

01/03/2003

NAM, masalah pelajar dapat perhatian

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

KEJAYAAN Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) Ke-13 yang berakhir Selasa lalu, menjadi tumpuan utama semua akhbar berbahasa Cina dan Tamil sepanjang minggu ini.

Sidang itu yang menampilkan 63 ketua negara dan kerajaan - terbesar dalam sejarahnya - diiktiraf sebagai yang paling berjaya setakat ini, baik

dari segi kehadiran, pengendalian atau hasil akhirnya.

Nanyang Siang Pau, Khamis lalu, berpendapat usaha Malaysia menggesa negara anggota menjalin hubungan erat dengan Kumpulan 77 (G77) dan lapan negara perusahaan utama bagi meningkatkan imej NAM di arena antarabangsa.

Menurut penganalisis China Press, Khamis lalu, NAM mempunyai dua cabaran

penting, iaitu mengekalkan kestabilan politik di kalangan ahlinya dan mencapai asas kukuh dalam perkembangan ekonomi supaya semua pihak dapat menikmati sumber ekonomi stabil.

Satu lagi halangan bagi NAM ialah kebanyakan anggotanya adalah negara miskin hingga ada yang terpaksa mendapatkan bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) selain negara huru-hara dan masalah rasuah serius sehingga mereka tiada kuasa untuk bersuara.

Selain itu, majoriti negara NAM juga kekurangan teknologi, pendidikan, sumber tenaga manusia, kemunduran kebudayaan dan struktur negara yang tidak sempurna.

Jika NAM ingin berpengaruh dan berkuasa, mereka perlu mempunyai kewangan

kukuh sebelum mampu memiliki kuasa melalui pengukuhan ekonomi, melaksanakan revolusi dalaman di setiap negara, menghapuskan rasuah, kemiskinan, mengamalkan dasar demokrasi, menggunakan sepenuhnya sumber bekalan asli, membuka lebih banyak ruang ekonomi dan menjalin hubungan perdagangan dengan pelbagai negara.

Sin Chew Daily, Rabu lalu, berpendapat Deklarasi Kuala Lumpur sudah menetapkan hala tuju dan imej baru melalui perpaduan dan keyakinan kuasa kumpulan untuk menyuarakan pendapat kukuh bagi memperoleh kepentingan yang

lebih seimbang bagi negara dunia ketiga.

Walaupun kebanyakan berita bertumpu mengenai `perang mulut' di antara Presiden Pakistan, Jeneral Pervez Musharraf dan Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee, berhubung isu Kashmir, Malaysia Nanban (Nanban) turut melaporkan lawatan Perdana Menteri Nepal, Lokendra Bahadur Chand, ke

Batu Caves.

Nanban dan Tamil Nesan (Nesan) juga menyanjung tinggi kepemimpinan Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyifatkan kejayaan menganjurkan NAM adalah

hadiah perpisahan terbaik yang dapat diberikan kepada Perdana Menteri yang

akan bersara Oktober ini.

Sementara itu, Nesan, dalam ruangan rencananya, memaparkan berita mengenai gesaan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian India (ICCIF), Dr A C Muthiah, supaya usahawan tempatan meneroka pelbagai bidang baru yang disediakan negaranya.

Antara lain, katanya, sektor pemprosesan makanan, aeroangkasa, teknologi maklumat (IT) dan farmaseutikal masih belum dieksploitasi sepenuhnya di India dan usaha sama dalam bidang berkenaan sudah tentu membawa pulangan lumayan.

Akhbar yang sama melaporkan pendedahan Presiden Kesatuan Pergerakan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N Siva Subramaniam, mengenai kajian pakar akademik yang menunjukkan kira-kira 25 peratus pelajar mengalami tekanan perasaan serius akibat ejekan rakan sebaya.

Berikutan itu, katanya, pelajar lebih kerap ponteng sekolah atau terbabit dalam gejala sosial lain sebagai satu kaedah melepaskan diri.

Siva Subramaniam juga memaklumkan akan menemui Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, bagi membincangkan isu berkenaan.

Satu daripada penyelesaian yang dicadangkan NUTP ialah melatih semua guru baru mengenai kaedah mengenal pasti pelajar bermasalah dan memberi kaunseling pada peringkat awal lagi.

Kedua-dua akhbar Nesan dan Nanban juga melaporkan mengenai usaha Pertubuhan Republik Tamil Sedunia yang sedang mempertimbangkan pembelian sebuah pulau di perairan Lautan Pasifik bagi menempatkan masyarakat berketurunan Tamil yang tidak mempunyai kewarganegaraan.

Setiausaha Agung pertubuhan itu, Prof Dr CSS Somasuntheram, berkata kira-kira RM1.9 bilion sudah diperuntukkan bagi membeli sebuah pulau bersaiz kira-kira tiga kali ganda daripada Singapura dan mampu menampung kira-kira 1.5 juta orang.

Beliau menjelaskan, pertubuhannya masih dalam proses mencari pulau yang mempunyai cuaca bersesuaian selain imbalan kesuburan tanah, kadar hujan dan bekalan air yang memadai. Kira-kira tiga juta orang berketurunan Tamil kini masih dianggap tiada kewarganegaraan kerana tempat mereka bermastautin menafikan hak itu.

Prof Somasuntheram merungut bahawa ramai penduduk dunia berketurunan Tamil membangunkan pelbagai perisian terkini di Microsoft dan Nasa selain menjadi pakar matematik, tetapi mereka tidak mempunyai sebuah negara yang boleh dianggap sebagai tanah air.